

*Dua cendekia bahasa ini bukanlah penutur asli bahasa Melayu dan Indonesia – seorang berasal dari Perancis manakala seorang lagi dari Jepun. Namun, mereka menjadi tokoh linguistik yang giat mengajar malah mengkaji bahasa rantau Nusantara. Mengapakah mereka sanggup dan sudi menguasai bahasa tersebut? Apakah isu-isu yang melanda hari ini dan harapan mereka buat masa depan dunia bahasa Melayu? Mereka mengongsi pandangan bersama wartawan NURUL AIN RAZALI (bhnews@sph.com.sg) sewaktu menghadiri Simposium Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asia Tenggara (Sealts) baru-baru ini.*

PENUTUR pelbagai bentuk atau varian bahasa Melayu boleh berusaha mengembangkan bahasa itu bersama-sama. Ini disebabkan hubungan antara varian bahasa itu sangat rapat, malah terdapat banyak wadah dan kesempatan untuk mewujudkan kemajuan.

Dalam hal ini, pengkaji bidang sosiolinguistik Profesor Dr Jérôme Samuel, 59 tahun, menyatakan dua konsep yang boleh difikirkan – pemahaman menyaling, atau *mutual intelligibility* (penutur bahasa 'A' turut difahami penutur bahasa 'B') dan kepelbagaian bahasa yang diterima, atau *receptive multilingualism* (penutur A guna bahasa 'A' ketika berlawan bicara dengan penutur B yang guna bahasa 'B', namun tetap saling memahami).

"Konsep saling memahami inilah yang mahu saya promosi dan kaji. Saya lihat pada umumnya orang Indonesia tidak tertarik kepada bahasa Melayu dan orang Melayu tidak tertarik kepada bahasa Indonesia sehingga penutur tidak cuba memahami varian bahasa tetangga sendiri padahal dua bahasa itu sangat rapat. Itulah yang harus dikembangkan.

"Ini boleh ditingkatkan menerusi produk-produk budaya seperti lagu dangdut, sinetron dan filem-filem animasi. Banyak kandungan Indonesia popular di Malaysia dan begitu juga sebaliknya. Fenomena ini cukup menarik pada saya.

"Di Singapura pun ada ditayangkan sinetron Indonesia serta drama seperti *Aduh Bibikku* berkenaan pembantu Indonesia dan majikan Melayu Singapura. Inilah contoh *receptive multilingualism*," ujar Profesor Samuel, yang juga pengkaji seni lukis kaca gaya Jawa.

Pengkaji bahasa Melayu dan Indonesia di institusi penyelidikan bahasa Institut national des langues et civilisations orientales atau Institut Kebangsaan bagi Kajian Bahasa dan Peradaban Timur (Inalco) Paris itu ditemui dalam Simposium Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asia Tenggara (Sealts) baru-baru ini.

Menurut maklumat Sealts, sidang tersebut dianjurkan buat julung-julung kalinya dan dihadiri 16 pakar linguistik seantero dunia. Acara dua hari itu menjadi wadah ilmuwan bahasa mengongsi kepakaran, amalan, butiran kajian dan cabaran.

Sealts, anjuran Universiti Nasional Singapura (NUS), menyaksikan Profesor Samuel menyampaikan ceramah membincangkan soal kelainan bahasa sewaktu menghasilkan bahan pengajaran bahasa Indonesia, khususnya percanggahan antara penggunaan bahasa substandard yang lazim digunakan se-

# Pakar linguistik: Penutur beraneka ragam Melayu Nusantara perlu bersatu majukan bahasa



**PAPAR PERBEZAAN BAHASA:** Pengkaji bahasa Melayu dan Indonesia di Institut Kebangsaan bagi Kajian Bahasa dan Peradaban Timur (Inalco) Paris, Profesor Dr Jérôme Samuel, menyampaikan ceramah berkaitan variasi bahasa atau 'diglosia' dalam Simposium Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asia Tenggara (Sealts) di NUS baru-baru ini. Antara lain, beliau menyarankan penutur asli Melayu bersatu majukan bahasa menerusi pelbagai produk budaya seperti lagu dan filem. – Foto-foto BH oleh NURUL AIN RAZALI

hari-hari berbanding bahasa tinggi yang rasmi tetapi terhad pengu-naannya.

## HUBUNGAN JARAK JAUH

Bagaimanakah mungkin seseorang di Eropah boleh jatuh cinta dengan Dunia Melayu yang beribu batu jauh jaraknya? Ketika wartawan mengajukan soalan tersebut, Profesor Samuel tersenyum seki-las.

Bapa Profesor, Encik Claude Samuel, kini 88 tahun, bertugas sebagai ejen sineman, atau *impresario*, sekitar 1970-an dan telah membawa rombongan penari serta pemuzik Bali ke Venice, Italy. Ketika itu, Profesor hanya berusia 14 tahun. Beliau mengagumi rombongan itu.

Beliau kemudian menjejakan kaki ke Indonesia buat kali pertamanya ketika usia 22 tahun pada 1982 di Bali. Selanjutnya, beliau mengajar bahasa Perancis dari 1987 di Indonesia dan mengajar bahasa Indonesia pula kepada penutur asing dari 2002 sampai sekarang. Hingga hari ini, Profesor Samuel bermain sejenis gong dengan kelompok pemuzik Indonesia di Paris pada masa lapang.

"Saya berhadapan dengan perkara baru yang tidak dapat dibayangkan sebelum ini. Saya rasa tertarik, terpujuk dan terpanah. Saya yakin pada waktu saya jalan-jalan di Indonesia, saya jatuh cinta kepadanya. Saya tertarik kepada lingkungannya (sekitaran), budayanya dan saya senang bergaul sama orang Indonesia," ujarnya, yang sebelum ini menceburi bidang sejarah dan sosiologi.

Begitu kuat tarikan bahasa dan budaya Nusantara hingga Inalco mampu melahirkan seramai lima hingga 10 siswazah dan hingga lima lulusan peringkat sarjana bahasa Indonesia setiap tahun, tambahannya. Rata-rata pelajar merangkumi pekerja kolar putih dan terlibat dalam perniagaan, syarikat swasta, pemasaran atau berkhidmat dengan pertubuhan bukan pemerintah (NGO) di rantau ini.

Akhir kata, beliau berpendapat bahawa orang Melayu, Indonesia dan Brunei bersifat sangat terbuka terhadap perkataan daripada bahasa lain. Namun, rumpun ini tetap berbangga dengan bahasa kebangsaan masing-masing. Fenomena itu katanya jarang ditemui dalam kalangan penutur Perancis.

"Saya rasa tidak ada masalah (fenomena meminjam perkataan berlaku) kerana setiap bahasa berubah sepanjang zaman. Perubahan pun tidak bisa diatur dasar atau lembaga mana pun. Ia terjadi dan berkembang secara spontan," ujarnya.